

## ISU PAMPASAN, NOTIS PENGOSONGAN TAPAK PERNIAGAAN DI JINJANG SELATAN TAMBAHAN

# *DBKL sifatkan dakwaan peniaga tidak berasas*

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyifatkan dakwaan peniaga di Jinjang Selatan Tambahan di sini, berhubung isu pampasan dan notis pengosongan tapak perniagaan sebagai tidak berasas.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, dakwaan Setiausaha Gabungan Persatuan Isu Pampasan dan Perumahan Jinjang Selatan Tambahan bahawa pihaknya menawarkan pampasan tidak munasabah selain berlaku penipuan, salah guna kuasa dan tindakan menindas adalah tidak berasas.

“DBKL bertindak berpandukan kepada rekod rasmi, fakta yang disahkan serta kuasa di bawah Seks-

yen 70 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133),” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya sentiasa prihatin dan komited dalam menangani isu membabitkan penduduk di kawasan itu.

“Sejak isu itu mula dibangkitkan, DBKL sudah mengambil langkah bertenangan dengan mengadakan beberapa siri perbincangan dan pertemuan bersemuka bersama wakil-wakil jawatankuasa dan penduduk.

“Sesi itu sudah menjadi saluran utama untuk DBKL mendengar sendiri kebimbangan dan tuntutan dikemukakan dengan memberi penjelasan secara terus,” katanya.

Menurut kenyataan itu, pihaknya percaya pembangunan bandar tidak seharusnya menjadi punca kepada ketidaksejahteraan, sebaliknya satu peluang meningkatkan taraf hidup dan kemudahan kepada semua lapisan masyarakat.

“DBKL akan terus berusaha memastikan setiap tindakan yang diambil adalah selaras dengan kepentingan awam dan pembangunan lestari,” katanya.

Harian Metro semalam melaporkan 38 peniaga di Jinjang Selatan Tambahan di sini meluahkan rasa tidak berpuas hati apabila DBKL mengeluarkan notis pengusiran paksa kepada mereka.